

TAHUN 5

MATHS EXTRA

TEACHER ANIS SYAHIRAH

MATHS EXTRA TAHUN 5			
BIL	TOPIK	TARIKH	CATATAN
1	NOMBOR DAN OPERASI / <i>NUMBERS AND OPERATIONS</i>		
2	PECAHAN, PERPULUHAN DAN PERATUS / <i>FRACTIONS, DECIMALS, AND PERCENTAGES</i>		
3	WANG / <i>MONEY</i>		
4	MASA DAN WAKTU / <i>TIME</i>		
5	PANJANG DAN ISIPADU / <i>LENGTH, MASS, AND VOLUME OF LIQUID</i>		
6	RUANG / <i>SPACE</i>		
7	KOORDINAT NISBAH DAN KADARAN / <i>COORDINATES, RATIO, AND PROPORTION</i>		
8	PENGURUSAN DATA / <i>DATA HANDLING</i>		

CELIK KEWANGAN

- Ⓐ Tulis maksud simpanan dan pelaburan di bawah. **SP 3.3.1 TP1**
Write the meaning of savings and investment below.

1.	Simpanan Savings
2.	Pelaburan Investment

- Ⓑ Jawab soalan yang berikut. **SP 3.3.2 TP2**
Answer the following questions.

Jadual di bawah menunjukkan penyata kewangan Juwita di sebuah bank.
The table below shows Juwita's financial statements at a bank.

Tahun Year	Baki awal tahun Balance at the beginning of the year	Kadar faedah Interest rate	Nilai faedah Amount of interest	Baki akhir tahun Balance at the end of the year
Pertama / First	RM1 500	2%	RM30	RM1 530
Kedua / Second	RM1 530	2%	RM30.60	RM1 560.60
Ketiga / Third	RM1 560.60	2%	RM31.21	RM1 591.81

- Apakah yang dimaksudkan dengan faedah mudah?
What is simple interest?

- Nyatakan nilai faedah mudah yang diterima oleh Juwita.
State the amount of simple interest received by Juwita.

- Berapakah nilai faedah kompaun yang diterima oleh Juwita pada tahun ketiga?
What is the amount of compound interest received by Juwita in the third year?

- Juwita ingin mengeluarkan wang simpanannya sejumlah RM1 000. Apakah yang akan berlaku kepada nilai faedah tersebut?
Juwita wants to withdraw her savings valued RM1 000. What will happen to the amount of interest?

- © Tulis maksud kredit dan hutang di bawah. SP 3.4.1
Write the meaning of credit and debt below.

1.	Kredit Credit
2.	Hutang Debt

- © Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.
Mark (✓) the correct statement and (X) the wrong statement. SP 3.4.2

Rajah di bawah menunjukkan harga sebuah telefon pintar yang dijual di Kedai Cantek jika dibeli secara tunai atau kredit. Harga asal telefon pintar itu adalah RM5 014.

Diagram below shows the price of a smartphone sold at Kedai Cantek if purchased with cash or credit. The original price of the smartphone was RM5 014.

Tunai / Cash
RM5 014



Kredit 24 bulan
Credit 24 months
RM250.50 sebulan / per month

1. Lisa membeli telefon pintar itu secara tunai.
Lisa bought the smartphone in cash.
 - (a) Lisa tidak dikenakan sebarang faedah.
Lisa is not charged any interest.
 - (b) Lisa boleh membuat bayaran secara ansuran setiap bulan.
Lisa can make payments in monthly installments.
 - (c) Lisa tidak berhutang.
Lisa has no debt.
2. Jovian membeli telefon pintar itu secara kredit.
Jovian bought the smartphone on credit.
 - (a) Jovian membayar harga yang lebih murah daripada harga asal.
Jovian paid a cheaper price than the original price.
 - (b) Jovian boleh membuat bayaran menggunakan kad kredit.
Jovian can make payments using a credit card.
 - (c) Jovian tidak berhutang.
Jovian has no debt.

SELESAIKAN MASALAH

A Selesaikan setiap masalah yang berikut. SP 3.5.1 TP 4

Solve each of the following problems.

1. Azmi menyimpan RM2.50 setiap hari. Diana menyimpan RM0.80 lebih daripada Azmi setiap hari. Berapakah jumlah wang yang disimpan oleh Diana dalam masa seminggu?
Azmi saves RM2.50 every day. Diana saves RM0.80 more than Azmi every day. How much total of money does Diana save in a week?
2. Elly menyimpan RM10 500 di sebuah bank dengan kadar faedah sebanyak 2% setahun. Berapakah faedah mudah yang diterima oleh Elly pada tahun pertama?
Elly saves RM10 500 in a bank with an interest rate of 2% per annum. How much simple interest does Elly receive in the first year?
3. Kumpulan Majistret telah menjadi johan bagi pertandingan nyanyian peringkat negeri dan memenangi wang sebanyak RM14 000. Pasukan itu terdiri daripada 7 orang ahli. Hitung nilai wang yang diterima oleh setiap ahli kumpulan.
Kumpulan Majistret won the state level singing competition and won RM14 000. The group consisted of 7 members. Calculate the amount of money received by each member of the group.
4. Rajah di sebelah menunjukkan sebuah mesin pencetak.
Diagram shows a printer.
Iskandar membayar 14 keping wang kertas RM50 untuk 6 buah mesin pencetak yang sama dan menerima baki wang RM40. Berapakah harga sebuah mesin pencetak?
Iskandar paid 14 pieces of RM50 note for the same 6 printers and received the balance of RM40. How much does a printer cost?



- B** Selesaikan setiap masalah yang berikut. SP 3.5.1 TP 5 TP 6
Solve each of the following problems.

1. Puan Azda membeli sebuah kereta yang berharga RM52 082. Dia membayar wang pendahuluan sebanyak RM5 210 dan baki dibayar secara ansuran selama 108 bulan. Hitung bayaran ansuran yang perlu dibayar oleh Puan Azda pada setiap bulan. KBAT: Menganalisis
Puan Azda bought a car that cost RM52 082. She paid a down payment of RM5 210 and the balance was paid in installments over 108 months. Calculate the installment payment to be paid by Puan Azda every month.

2. Choo menyimpan RM18 000 di Bank Bestari dengan kadar faedah sebanyak 2% setahun. Hitung baki simpanan Choo pada hujung tahun kedua. KBAT: Menganalisis
Choo saves RM18 000 in Bank Bestari with an interest rate of 2% per annum. Calculate Choo's savings balance at the end of the second year.

3. Sheri membeli sehelai tudung berharga RM29 dan sepasang kasut berharga RM125.50. Dia membayar RM200 kepada juruwang. Hitung baki wang yang diterimanya. *Sheri bought a scarf costing RM29 and a pair of shoes costing RM125.50. She paid RM200 to the cashier. Calculate the balance she received.*

4. Rajah di sebelah menunjukkan harga tunai bagi sebuah komputer riba. Ruben membeli komputer riba itu secara kredit. Dia perlu membayar RM205 setiap bulan kepada bank selama 3 tahun untuk menjelaskan bayaran komputer riba itu. Hitung beza harga komputer riba itu secara kredit dan secara tunai. STEM
Diagram shows the cash price for a laptop. Ruben bought the laptop on credit. He has to pay RM205 every month to the bank for 3 years to pay for the laptop. Calculate the difference in the price of the laptop on credit and in cash.



RM5 550